

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SBU232 - Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** soalan daripada soalan-soalan berikut. Semua soalan mempunyai pembahagian markah yang sama.

...2/-

1. Bincangkan sejarah pendidikan Malaysia dari segi perubahan dalam perkara-perkara berikut:
 - i. Teras Utama Dasar Pendidikan
 - ii. Struktur Sekolah
 - iii. Kurikulum
 - iv. Aliran Bahasa

(100 markah)

2. Mengapakah penubuhan sebuah universiti swasta pada tahun 1970an telah ditolak oleh kerajaan pada masa itu? Mengapakah penubuhan universiti-universiti swasta dibenarkan pada masa ini?

(100 markah)

3. Henry Giroux (1999) membentangkan hujah-hujah yang menentang tren pendidikan di Amerika Syarikat masa kini yang mengikuti kehendak pasaran tanpa mementingkan hal-hal yang berkaitan dengan kesaksamaan dan pengagihan. Huraikan petikan beliau di bawah. Adakah isu yang sama dialami di Malaysia?

“Within the language of privatization and market reforms, a strong emphasis exists on standards, measurements of outcomes, and holding teachers and students more accountable. Privatization is an appealing prospect for legislators who do not want to spend taxpayer’s money on schools and for those who do not want to support education through increased taxes. These appeals are reductive in nature and hollow in substance. They remove questions of equity and equality from the discourse of standards” (hal. 142).

Terjemahan:

Mengikut bahasa penswastaan dan reformasi pasaran teras penting ialah keatas garis ukur, hasil dan kebertanggungjawapan guru dan murid. Penswastaan adalah menarik bagi pembuat dasar yang enggan membelanjakan wang awam ke atas sekolah dan juga bagi mereka yang tidak mahu membiayai sekolah awam melalui kenaikan cukai. Tarikan ini mempunyai asas yang cetek. Wacana mengenai garis ukur ini mengabaikan persoalan-persoalan tentang kesaksamaan dan keseimbangan.

(100 markah)

4. Bincangkan akta-akta pendidikan yang telah diluluskan semenjak kemerdekaan Malaysia. Jelaskan tujuan akta-akta ini. Apakah perubahan besar-besaran dalam masyarakat yang dicerminkan oleh akta-akta ini?

(100 markah)

5. Huraikan hujah-hujah teori modal manusia dalam pendidikan. Bagaimanakah teori ini telah mempengaruhi dasar dan perancangan pendidikan dalam masyarakat, khususnya di negara sedang membangun?

(100 markah)

6. Bezakan model persekolahan Malaysia dengan model persekolahan dua negara maju dari segi:

- i. Dasar Penjurusan (Streaming) dan Peperiksaan
- ii. Kurikulum
- iii. Peranan Kerajaan dan Swasta

(100 markah)